

# Buletin



e-ISSN: 2600-8289

Safar 1446H/ Ogos 2024

# ACIS



# MALAYSIA MADANI

*Jiwa Merdeka*

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Kritikan Penyiaran: Filem Patriotik Menggami Memori dan Jiwa Merdeka



Oleh:

**Shahril Anuar Abdul Ghalim**

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan  
Pengajian Media (FKPM),  
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

**Tanggal 31 Ogos** merupakan tarikh keramat bagi rakyat Malaysia. Sejarah kemerdekaan negara tercatat dengan megahnya dan diraikan diseluruh tanahair. Saban tahun ianya disambut dengan pelbagai acara bagi meraikan kemerdekaan negara yang tercinta. Padat dengan pelbagai aktiviti yang direncanakan bagi mewarnai sambutan kemerdekaan sebagai suatu peringatan sejarah, perkongsian kegembiraan dan kesyukuran atas nikmat keamanan dan kesejahteraan rakyat yang bernaung di bawah payung negara.

Layar skrin juga tidak terkecuali dalam hal ini. Semua siaran televisyen yang wujud di negara ini, rata-ratanya berusaha menyusun pelbagai bentuk program, dokumentari, susunan putaran lagu, pesanan khidmat masyarakat, drama dan filem patriotik yang bakal mewarnai lagi kemeriahan bulan kemerdekaan ini. Segalanya dihidangkan dengan satu tujuan iaitu untuk menghayati erti sebenar kebebasan dari penjajahan dan sebagai tanda ingatan serta terima kasih terhadap pengorbanan dan jasa mereka yang memperjuangkan kemerdekaan suatu ketika dahulu.

Penulisan kali ini ingin membincangkan mengenai filem patriotik yang mampu menggami memori dan semangat kemerdekaan. Jika disenaraikan, terdapat pelbagai judul atau tajuk filem yang mendasari semangat patriotik antaranya yang popular ialah Bukit Kepong, Sarjan Hassan, Leftenan Adnan, Embun, Paloh, Darah Satria, 1957: Hati Malaya, Mat Kilau dan pelbagai lagi pengkisahan wira/tokoh pejuang kemerdekaan tak kira ianya berteraskan sejarah mahupun filem berunsurkan cereka. Kesemuanya memenuhi plot cerita yang menarik untuk dijadikan panduan bagi menyemarakkan nostalgia semangat kenegaraan.

Filem boleh dikatakan sebagai medium pembelajaran yang efektif iaitu melalui kesan audio visual yang disusun kemas oleh pengarah. Filem-filem berteraskan sejarah ini mampu untuk mengembalikan memori penonton dengan kesan emosi yang lebih mendalam berbanding bahan bacaan seperti buku dan jurnal. Melalui pendekatan audio visual mampu untuk memberikan sudut pandangan yang lebih jelas dan emosi yang pelbagai secara terus kepada khalayak penonton. Seperti contoh, filem Sarjan Hassan telah mengangkat imej askar Melayu yang berani, gagah, berprinsip dan bersemangat setiakawan serta rela terkorban demi untuk mempertahankan tanahair. Dalam filem ini juga dengan jelas dapat membawa penonton menilai betapa

perjuangan sememangnya memerlukan pengorbanan diri dan juga ahli keluarga tercinta. Sokongan keluarga amat penting begitu juga dengan masyarakat yang perlu bersama-sama menghadapinya. Pengkhianatan juga dipaparkan dalam filem ini secara jelas boleh berlaku di kalangan kelompok masyarakat itu sendiri. Kesemua sudut pandangan ini mampu diterjemahkan dengan lebih baik melalui pendekatan audio visual agar masyarakat dapat mesej yang lebih jelas berbanding teks.

Begitu juga apabila kita membincangkan filem patriotik mampu menggami memori suka duka kehidupan iaitu melalui keadaan atau latar zaman sesuatu peristiwa itu berlaku. Memori ini lebih menjurus kepada situasi sebenar yang wujud suatu masa dahulu. Ini dapat digami melalui cara percakapan, gaya pemakaian, keadaan lokasi kejadian, cara sesuatu isu ditangani dan pelbagai aspek yang masyarakat kini tidak ketahui bagaimana ianya berlangsung. Contoh terbaik melalui filem Bukit Kepong yang mengisahkan pasukan polis yang mempertahankan negara dari ancaman komunis. Kita dapat lihat bukan sahaja paparan kejadian tetapi juga maklumat yang disisip bersama-sama seperti pakaian seragam anggota polis dahulu, keadaan balai polis, hubungan komunikasi yang baik antara pihak polis dengan masyarakat kampung, langkah kawalan keselamatan yang ketat dan pelbagai lagi keadaan yang masyarakat kini mampu untuk melihat dengan lebih jelas. Rakaman memori ini dilihat sebagai khazanah negara yang berharga untuk dipelihara demi rujukan masa hadapan.

Kesimpulannya, umum mengetahui bahawa filem merupakan sebagai cerminan budaya dan bangsa sesebuah negara. Karya yang diangkat atas nama filem sememangnya menyediakan pengalaman dan fungsi makna yang menjadi penggerak sosial dikalangan masyarakat. Kenyataan ini merujuk kepada penghasilan sesuatu filem patriotik yang bakal ditonton, difahami dan dinilai serta kesan yang mungkin dirasakan oleh golongan sasaran dengan gaya pemikiran yang pelbagai.

Segala rangkuman mesej yang cuba dikupas melalui karya filem patriotik bakal meninggalkan kesan kepada masyarakat. Makanya sudah tentu penghasilan sesuatu filem patriotik itu akan dilakukan dengan penuh ketelitian bermula dengan plot atau jalan cerita, kesepaduan mesej, maklumat/penyelidikan, pengarahannya, barisan pelakon, aspek teknikal dan pelbagai skop kerja yang harus diberi penelitian sebelum sesuatu filem itu ditayangkan. Ini adalah takrifan biasa yang mendasari pembikinan filem dan tidak terkecuali pembikinan filem berunsur patriotik.